

→ PERSIDANGAN

SIDANG KEMUNCIAK HARTANAH & PERUMAHAN NEGARA KE-20

Kerajaan sedia RM13 bilion bantu rakyat miliki rumah

→ Bantuan di bawah lima program mampu selesaikan isu perumahan

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Subang Jaya

Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan membelanjakan hampir RM13 bilion di bawah lima program bagi membantu rakyat memiliki rumah.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar, berkata bantuan berkenaan secara langsung menyelesaikan pelbagai isu perumahan, khususnya di kawasan bandar.

Beliau berkata, ia ditambah lagi

dengan insentif perumahan lain oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Perumahan Kos Rendah Awam serta perumahan peneroka seperti FELDA dan FELCRA.

Selain itu, katanya, kemudahan perumahan turut disediakan agensi pembangunan ekonomi seperti Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPA1M) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

"Usaha serta subsidi berkenaan memberi sumbangan besar dalam menyelesaikan isu perumahan. Penghargaan perlu diberikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Komitmen padu Perdana Men-

teri secara berterusan menawarkan penyelesaian kreatif bagi menambah baik isu perumahan untuk rakyat," katanya.

Noh berkata demikian pada Sidang Kemuncak Hartanah & Perumahan Negara Ke-20 bertemakan 'Keadaan Industri Hartanah & Perumahan - Di Mana Hala Tuju Kita Dari Sini', di sini semalam.

Rancang 184 projek PPR

Di bawah kementeriannya, Noh berkata, program perumahan teras ialah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dibiayai kerajaan.

Katanya, ia menyaksikan seba-

nyak 184 projek PPR dirancang dengan 118 sudah disiapkan bagi menyediakan 83,840 unit rumah kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Beliau berkata, kos purata setiap rumah antara RM130,000 hingga RM180,000 yang bermakna kerajaan sudah membelanjakan lebih RM12 bilion kepada rakyat.

Kerajaan juga, katanya, menyediakan bantuan kepada kumpulan berpendapatan 40 peratus sederhana (M40) untuk memiliki rumah pertama menerusi dua skim, iaitu MyHome dan MyDeposit.

MyHome ialah program kerja-

sama dengan pemaju rumah swasta untuk membina lebih banyak rumah mampu milik dengan subsidi sehingga RM30,000. Kerajaan sudah membelanjakan RM127 juta dalam bentuk subsidi di bawah program itu.

MyDeposit pula inisiatif terbaru dalam Bajet 2017 dengan kerajaan menyediakan bantuan 10 peratus deposit atau maksimum RM30,000 bagi membantu pembeli rumah kali pertama.

Setakat 30 Jun lalu, seramai 1,451 rakyat mendapat manfaat daripada program itu, membabitkan bantuan berjumlah keseluruhan RM39.2 juta.

[FOTO ZUNNUR AL-SHAFIQ/BH]



Noh (kanan) melihat model projek perumahan pada Sidang Kemuncak Hartanah & Perumahan Negara Ke-20 bertemakan 'Keadaan Industri Hartanah & Perumahan - Di Mana Hala Tuju Kita Dari Sini' di Subang Jaya, semalam.

Lebih banyak projek mampu milik akan dibangunkan

Subang Jaya: Rancangan pembangunan dan skim perumahan mampu milik akan terus menjadi perhatian kerajaan dalam Bajet 2018.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata kesukaran golongan muda memiliki rumah adalah salah satu isu menjadi keutamaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam merangka bajet yang menjamin kesejahteraan rakyat.

"Justeru, rakyat boleh menjangkakan lebih banyak skim dan projek (perumahan mampu milik) akan dilaksanakan. Usaha ini akan diteruskan pada Bajet 2018," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Hartanah & Perumahan

Negara Ke-20 bertemakan 'Keadaan Industri Hartanah & Perumahan - Di Mana Hala Tuju Kita Dari Sini' di sini, semalam.

Noh berkata, setakat ini kerajaan sudah membina lebih 75 peratus daripada sejuta unit rumah mampu milik yang disasarkan kepada kumpulan berpendapatan rendah.

Tambah rumah mampu milik

Berikutan itu, katanya, kerajaan merancang membina lebih banyak rumah mampu milik di seluruh negara pada masa akan datang sambil disokong pemaju swasta.

"Bagi menyediakan rumah mampu milik di Malaysia dan mencapai sasaran membina sejuta unit rumah sedemikian, pelbagai agensi kerajaan sedang menjalin kerjasama erat dengan sektor swasta.



Bagi menyediakan rumah mampu milik di Malaysia dan mencapai sasaran membina sejuta unit rumah sedemikian, pelbagai agensi kerajaan sedang menjalin kerjasama erat dengan sektor swasta"

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

"Saya juga meminta bantuan pemaju swasta tampil ke hadapan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat seperti melaksanakan skim 'sewa untuk beli' (RTO) dalam projek pembangunan persendirian," katanya.

KPKT pada Ogos lalu menjelaskan, sasaran membina sejuta unit rumah mampu milik dijangka dapat dicapai sebelum akhir tahun ini.

Syor longgar syarat pinjaman

Dalam perkembangan lain, Noh berkata, kementeriannya sudah mengemukakan cadangan kepada Bank Negara supaya mempertimbang melonggarkan syarat permohonan pinjaman rumah, terutama kepada pembeli rumah kali pertama.

"BNM sedar dengan cadangan

kami untuk melonggarkan proses permohonan pinjaman, namun mereka masih perlu menimbang kemampuan pemohon untuk membayar balik supaya tidak menimbulkan masalah pada masa depan.

"Mereka masih melihat kepada situasi pemilikan rumah dari sudut pandangan holistik, ia perlu menjadi situasi menang-menang untuk semua pihak," katanya.

Beliau berkata, petunjuk ekonomi semasa memberi unjuran positif terhadap pasaran hartanah Malaysia tahun depan.

Katanya, ia akan dipacu oleh asas seperti pertumbuhan ekonomi kukuh, peningkatan permohonan dan kelulusan pinjaman, kestabilan mata wang, pertambahan perbelanjaan dan pelaburan swasta selain pelaburan infrastruktur kerajaan.